



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.12/2024
PADA 18 DISEMBER 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - VII. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Sedar tidak sedar kita telah pun berada pada penghujung bulan tahun 2024. Sepanjang tahun 2024 ini, MBS telah melaksanakan pelbagai usaha dan gerak kerja bagi memastikan Bandaraya Seremban berada pada satu tahap yang terbaik demi kesejahteraan dan kesejahteraan warga bandaraya.
5. Di samping itu, segala usaha dan gerak kerja yang telah MBS laksanakan pastinya semua itu bermula dengan komitmen yang unggul dan kerjasama berpasukan yang diberikan daripada setiap warga kerja MBS dan akhirnya dapat dibalas dengan kejayaan dan anugerah yang diraih MBS.
6. Anugerah dan pencapaian yang diperolehi di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Agensi ini merupakan suatu penghargaan dan penghormatan buat Majlis Bandaraya Seremban untuk terus berkhidmat selaras dengan Visi dan Misi MBS. Justeru pada pagi ini, saya ingin berkongsi pencapaian-pencapaian dari segi pengiktirafan, sukan dan anugerah yang telah diperolehi MBS yang merupakan pencapaian kita bersama.

ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KEPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima pelbagai anugerah pengiktirafan daripada pelbagai Kementerian dan Agensi sepanjang tahun 2024 antaranya ialah ;

- I. **Anugerah *Premise Complies With The Fire Safety Requirements***, peringkat kebangsaan pada 4 April 2024 anjuran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- II. **Anugerah *Asean Clean Tourist City Standard 2024 - 2026***, peringkat Antarabangsa pada 29 April 2024 anjuran daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- III. **Anugerah Penghargaan Penyenggaraan Jalan Negeri Sembilan (Marris)**, peringkat Negeri Sembilan anjuran daripada Pejabat Kewangan Negeri Sembilan.
- IV. **Anugerah *Best Appreciation Awards Sempena International Greentech And Eco Products Exhibition And Conference Malaysia 2024 (IGEM 2024)*** peringkat Antarabangsa pada Oktober 2024 anjuran daripada Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam.

- V. **Anugerah Penarafan 5 Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024**, peringkat kebangsaan pada 26-27 Oktober 2024 anjuran daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

- VI. ***Finalist Finance Your Cities Innovation Award, World Urban Forum (WUF12) Cairo, Egypt Projek Landfill To Solar Farm, Kuala Sawah***, peringkat Antarabangsa pada November 2024 anjuran daripada *FMDV & United Nations Human Settlements Programme (UN-HABITAT)*

- VII. **Anugerah Khas Kemampanan Bandar Negeri Sembilan – Murninets 2024 Bandar Paling Mampan Negeri Sembilan (Kategori Bandaraya)**,

- VIII. **Anugerah Penarafan Bandar Pintar Bagi Kategori Developing Smart City- Sijil Penghargaan/Penyertaan** dan ;

- IX. **Anugerah Khas Kemampanan YAB Menteri Besar**, peringkat Kebangsaan pada November 2024 anjuran daripada PLAN Malaysia.

KEJAAYAN PENYERTAAN MBS DI PELBAGAI PERINGKAT

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Selain itu, MBS juga telah menyertai beberapa penyertaan yang dianjurkan di pelbagai peringkat yang berjaya mengharumkan nama MBS antaranya ialah ;
 - I. **Juara Kejohanan Olahraga Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan** peringkat PBT Negeri Sembilan pada 20 Januari 2024
 - II. **Juara Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan Sea International Sea Challenge (LISC)** peringkat antarabangsa pada 28 April 2024 anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan.
 - III. *President's Garden Award (Government Corporate Garden)* dan ;
 - IV. *Garden Starlight Award (Silver)* Festival Bunga dan Taman Diraja (FLORIA) peringkat kebangsaan pada 1 September 2024 anjuran Perbadanan Putrajaya.
 - V. **Tempat ke-3 kategori Lelaki dan Wanita Pesta Bola Ngoca** peringkat negeri anjuran Kementerian Belia dan Sukan (Cawangan Kuala Pilah)

- VI. **Tempat ke-3 Kategori Inovasi Sosial, Kumpulan AQAR**
dan
- VII. **Tempat ke-3 kategori Penyampaian Perkhidmatan,**
Kumpulan Awan Biru dalam Konvensyen Kumpulan
Inovatif & Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri
Sembilan pada 1 Oktober 2024 anjuran Pejabat
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
- VIII. **Naib Johan Kategori Pentadbiran Daerah dalam**
Pertandingan Perbarisan Sempena Sambutan Hari
Kebangsaan Tahun 2024 peringkat Negeri Sembilan
anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
- IX. **Tempat ke-4 Kumpulan As-Shams pada Festival**
Nasyid Negeri Sembilan pada 4 Disember 2024 anjuran
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

- 9. Sememangnya keterlibatan warga kerja MBS dalam penganjuran pertandingan-pertandingan sukan mahupun bukan sukan memberikan satu gambaran bahawa MBS mempunyai kualiti, semangat dan komitmen dalam apa jua acara yang dianjurkan.
- 10. Kesediaan setiap warga kerja MBS yang terlibat dalam menghadapi pertandingan, penilaian dan naziran sememangnya harus dipuji

kerana pelaksanaan yang dilakukannya itu memerlukan pengorbanan masa dan tenaga. Apapun keputusan, kejayaan atau sebaliknya adalah menjadi lumrah dan adat dalam setiap penganjuran. Terima kasih saya ucapkan.

11. Sehubungan dengan itu, kekalkanlah rentak kecemerlangan dan terus menggembleng usaha bagi meraih lebih banyak lagi kejayaan, penghargaan dan anugerah di pelbagai peringkat bagi mengharumkan nama Majlis Bandaraya Seremban pada masa akan datang. *In Shaa Allah.*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

12. Sehingga 15 Disember 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-
 - (a) Cukai Taksiran
 - Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (130.95 Juta)
 - Prestasi = **RM127.57 Juta (82.80%)**
 - (b) Sasaran 30% Tunggakan (RM26.02 Juta)
 - Prestasi = **RM16.53 Juta (19.07%)**
 - (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.50 Juta)
 - Prestasi = **RM136.17 Juta (93.59%)**
 - (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56 Juta)

Prestasi = **RM220.88 Juta (98.80%)**

(e) Belanja Mengurus (RM224.31 Juta)

Prestasi = **RM202.08 Juta (90.09%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15.02 Juta)

Prestasi = **RM9.70 Juta (64.62%)**

13. Manakala perbandingan bagi tahun 2023 pula, sehingga 17 Disember 2023 ;

****PERBANDINGAN TAHUN 2023 SEPERTI DI PAPARAN****

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (122.15 Juta)

Prestasi = **RM120.78 Juta (84.04%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RRM25.12 Juta)

Prestasi = **RM18.45 Juta (22.03%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10 Juta)

Prestasi = **RM140.12 Juta (98.61%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50 Juta)

Prestasi = **RM213.33 Juta (103.81%)**

(e) Belanja Mengurus (RM218.07 Juta)

Prestasi = **RM197.07 Juta (90.37%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15.74 Juta)

Prestasi = **RM6.59 Juta (41.87%)**

14. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan November Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu di beberapa taman perumahan seperti ;
 - I. Taman Duyung,
 - II. Taman Paroi Jaya,
 - III. Taman Tuanku Jaafar,
 - IV. Taman Matahari Indah,
 - V. Taman Layang- Layang,
 - VI. Taman Sena,

15. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM15,799.70** daripada **37 bilangan akaun.**

16. Selain itu, MBS turut membuka *booth* kaunter bergerak pembayaran cukai taksiran dan kompaun di program-program seperti;
 - I. Program Hari Bertemu Pelanggan YAPEIM Cawangan Seremban di Ar Rahnu YAPEIM Cawangan Seremban,
 - II. Program Jualan Rahmah Madani 2024 anjuran JP KK Kampung Batang Benar di Dewan Komuniti Batang Benar,
 - III. Program Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia di Palm Mall, Seremban,

- IV. Program Hari Kelestarian Alam Negeri Sembilan Tahun 2024 anjuran Kerajaan Negeri Sembilan di City Park, Seremban 2,
 - V. Program Larian Amal Dan Kempen Kemanusiaan 2024 di Parkir Berhadapan Pejabat Jualan Sunrise MCL Land, Forest Height,
17. Hasil daripada pembukaan kaunter bergerak ini, MBS berjaya meraih hasil kutipan berjumlah sebanyak **RM24,703.40** daripada **954 bilangan kutipan akaun**. Tahniah kepada pasukan-pasukan Jabatan Kewangan MBS yang turut dibantu oleh Ahli Majlis MBS.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

18. Sehingga 30 November 2024, MBS telah menjalankan aktiviti ;
- Kawalan *fogging* di **55,176** buah premis
 - *ULV* di **109,320** buah premis
 - *Larvaciding & Source reduction* di **447** lokaliti
 - Gotong royong di **148** buah taman
19. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 November 2024 hingga 30 November 2024 mencatatkan;
- a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**

46 pengebumian jenazah

b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

9 pengebumian jenazah

c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

6 pengebumian

d) Tanah Perkuburan Islam yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 30 November 2024.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

20. Bagi menggalakkan peniaga ke arah memastikan kemampuan penggunaan tanpa tunai yang meluas, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Negeri Sembilan bersama Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah mengadakan Majlis Pelancaran Cashless Pilot Negeri Sembilan 2024 di Dewan Serbaguna, Pasar Baru Ampangan.
21. Program Cashless Pilot ini merupakan inisiatif MCMC bersama Majlis Bandaraya Seremban yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan membina keyakinan mengenai penggunaan pembayaran tanpa

tunai ataupun Cashless di kalangan penduduk Malaysia khususnya bagi peniaga-peniaga di Daerah Seremban

22. Pelaksanaan Program Masyarakat Tanpa Tunai adalah penting kerana ia akan memberi satu momentum kepada agenda memperkasakan ekonomi komuniti setempat terutama untuk pemain industri sektor peruncitan untuk sama-sama mengambil peluang berkongsi kek ekonomi yang disediakan Kerajaan. MBS sentiasa komited dalam memberikan sokongan dan memudahcara pelaksanaan inisiatif komunikasi yang dibangunkan oleh pihak MCMC dalam memacu gerbang digital di Negeri Sembilan.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

23. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun sehingga 3 Disember 2024. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2024 HINGGA 03/12/2024		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	69,737	
NILAI AMAUN	RM 11,577,864.00	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	13827	20 %

NILAI AMAUN BERBAYAR	RM 1,560,829.00	13.4 %
----------------------	-----------------	--------

24. Sebanyak **719 kertas siasatan** telah dibuka sehingga 3 Disember 2024. Manakala **8507 kompaun** telah dikeluarkan merangkumi ;

BIL	JENIS KOMPAUN	JUMLAH
1	Kompaun iklan	4324
2	Kompaun hiburan	55
3	Kompaun rumah urut	77
4	Kompaun rumah tumpangan	58
5	Kompaun tred perniagaan	2780
6	Kompaun penjaja	1213
JUMLAH		8507

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP

25. Pada 16 November dan 23 November, Jabatan Taman dan Lanskap telah mengadakan Program Moh Gotong Royong Hari Cuci Malaysia Sambil Tanam Pokok di Sendayan Green Park dan Dataran Lobak. Objektif program ini diadakan adalah untuk mendidik masyarakat supaya memelihara dan memulihara alam sekitar selari dengan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban 2021-2025 di bawah Teras

Bandar Raya Rendah Karbon, Bandar Pintar dan Pembangunan Mampan.

26. Program ini merupakan program di bawah Local Agenda 21 (LA21) Majlis Bandaraya Seremban bagi memastikan kawasan persekitaran masih kekal hijau walaupun pembangunan semakin pesat membangun. Jabatan Lanskap Negara turut telah menyalurkan peruntukan dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan juga telah menyumbang sebanyak 100 anak pokok bagi menjayakan program ini.
27. Majlis mengucapkan terima kasih atas keterlibatan semua pihak seperti YB Tuan Chew Seh Yong, Ahli Dewan Undangan Negeri Lobak, Ahli-ahli Majlis MBS, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Daihatsu Perodua Engine Manufacturing Sdn Bhd (DPEM), SW Corp dan penduduk-penduduk setempat yang sama-sama menjayakan program ini.

SUMBER : JABATAN TAMAN & LANDSKAP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

28. Untuk makluman semua, sehingga bulan Oktober 2024, MBS telah melantik seramai **34 orang staf lantikan baharu** dan **32 orang staf lantikan kontrak telah menerima lantikan tetap.**
29. Manakala bagi kenaikan pangkat seramai ;

- I. **14 orang** pegawai dan kakitangan telah dinaikkan pangkat secara Time-Based (TBK 1 & TBK 2)
- II. **8 orang** (Memangku)
- III. **2 orang** (Pengisian Jawatan)
- IV. **10 orang** (Pengesahan Jawatan)

SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

30. Pada 21 November 2024 yang lalu PLAN Malaysia telah menganjurkan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson, dengan tema 'Pantai Negara, Tanggungjawab Bersama' sebagai mempromosikan Port Dickson sebagai Bandar Pelancongan Persisiran Pantai Bertaraf Antarabangsa.
31. Dalam pada itu, Majlis Bandaraya Seremban telah diiktiraf sebagai Bandar Paling Mampan di peringkat Negeri Sembilan bagi Tahun 2024. MBS telah mendapat peratusan tertinggi dengan skor markah sebanyak 95.42% dengan Status Bandar Paling Mampan di Negeri Sembilan Tahun 2024. Anugerah Khas Kemampanan Bandar telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan yang turut dihadiri YBhg. TPr. Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

32. Pada 21 November 2024, MBS telah meneruskan program Majlis Bacaan Yassin Sempena Ulang Tahun Ke Empat Majlis Bandaraya Seremban di Masjid Kariah Kampung Bukit Kadir, Nilai. Dalam pada itu, MBS turut menyumbangkan waterjet kepada pengerusi Kampung Bukit Kadir. In shaa allah, program pembudayaan ke masjid-masjid di Seremban ini akan terus dilaksanakan pada tahun akan datang bagi mengeratkan hubungan antara MBS bersama penduduk-penduduk kariah.

MISI PASCA BANJIR 2024

33. Majlis Bandaraya Seremban telah menyalurkan bantuan pasca banjir kepada kawasan terjejas di Gemencheh dan Gemas. Seramai 70 kakitangan Majlis Bandaraya Seremban yang terdiri daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan, Jabatan Penyelenggaraan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan telah turun bagi membantu mangsa banjir di kawasan terjejas.

34. Kekuatan ini juga ditambah dengan bantuan daripada pihak NGO iaitu Kelab Radio Amatuer (NESRAC) Dan Skwad Pantas Nilai seramai 20 orang bersama- sama pihak Majlis menjalankan Misi Bantuan ini. Aset- Aset Majlis juga turut digerakkan iaitu melibatkan kenderaan 1 Lori air, 2 Tail-lift, 1 Lori, 1 Hilux , 2 Xtrail dan 5 waterjet turut digunakan bagi misi bantuan ini.

35. Diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa banjir yang terkesan disebabkan bencana yang berlaku. Majlis amat komited dalam membantu mangsa- mangsa banjir tidak kira di dalam kawasan pentadbiran atau di luar.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

36. Sehingga 13 Disember 2024, MBS telah menerima sebanyak **22,390** Aduan SISPAA. Keterangan adalah seperti berikut ;

I. Selesai	:	16,551
II. Tindakan	:	5,497
III. Sedang dalam perhatian	:	342

Purata Aduan

I. Jumlah aduan selesai ditutup/hari	:	40 Aduan
II. Jumlah aduan diterima/hari	:	50 Aduan

Purata Aduan Tertinggi (1 Januari – 13 Disember 2024)

I. Anjing Liar	:	2,904
II. Kerosakan Lampu Jalan	:	2,754
III. Kerosakan Longkang	:	1,745
IV. Landskap	:	521

Peratusan aduan yang telah selesai sehingga 13 disember adalah sebanyak 73.92%

37. Oleh itu, saya mengarahkan kepada kesemua Jabatan untuk melaksanakan *task force* penyelesaian aduan dengan kadar segera

sebelum berakhir tahun 2024. Tuan Puan hendaklah memastikan telah mengemaskini log kerja dan menutup semua aduan yang diselesaikan. In shaa allah, sasaran 85% menyelesaikan aduan dalam tempoh 12 bulan dalam teras 1 Pelan Strategik MBS 2021-2025 dapat dicapai.

38. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan Ahli-ahli Majlis yang banyak membantu bagi penyelesaian aduan dan mempengerusikan Klinik Aduan yang telah diadakan iaitu Encik Lee Kai Yet, Encik Hamdan dan Encik Norhafiz berkaitan isu-isu kejuruteraan.

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PEWARTAAN TANAH LAPANG AWAM

39. Sewaktu Pelancaran Dasar Lanskap Negara 2.0 yang diadakan di Taiping, Perak, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) menyegerakan proses pewartaan tanah lapang awam di kawasan masing-masing bagi mengelak disalah guna. Pewartaan ini supaya tahun depan tanah ini dapat dijadikan tapak sesuai yang boleh diberi peruntukan oleh Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Kerajaan Tempatan untuk dibangunkan sebagai 'open space' kegunaan komuniti setempat. Oleh itu saya mohon Jabatan Perancangan Pembangunan dapat memperincikan dan melaksanakan perkara ini.

PBT PERLU RANCANG PENGURUSAN ALIRAN AIR LEBIH BAIK ELAK BANJIR KILAT

40. Selain itu, bagi menangani isu banjir yang berlaku, Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Fadillah Yusof, menekankan kepentingan pengurusan aliran air dalam perancangan bandar lestari bagi mengelak banjir kilat, terutama di kawasan berpenduduk padat, akibat perubahan iklim dan peningkatan hujan lebat. Beliau menegaskan cabaran ini perlu ditangani dan berharap setiap PBT merangka perancangan pembangunan bandar secara menyeluruh. Jika aliran air tidak diurus dengan baik, bandar berisiko menghadapi banjir. Oleh itu, perancangan yang teliti amat penting dalam pembangunan mampan dengan mengambil kira bukan sahaja aliran trafik dan mobiliti pejalan kaki serta kenderaan, tetapi juga aliran air dan keperluan tenaga pada masa hadapan.

KEPENGURUSIAN MALAYSIA DALAM ASEAN 2025

41. Untuk makluman semua, Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2025. Matlamat utama yang ingin dicapai adalah untuk mempamerkan kepimpinan dan keupayaan Malaysia memacu agenda Komuniti ASEAN. Oleh itu, saranan daripada YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri supaya semua pihak perlu melaksanakan pengindahan dan menaiktaraf infrastruktur bandar di lokasi mesyuarat ASEAN.
42. Berdasarkan takwim yang dikeluarkan, saya dimaklumkan terdapat tiga perkara yang akan berlangsung di Negeri Sembilan iaitu ;

i. ASEAN POLITICAL-SECURITY COMMUNITY (APSC)

Tarikh : 5 – 9 Oktober 2025
Lokasi : Lexis Hibiscus, Port Dickson
Penyelaras : Kementerian Luar Negeri (KLN)

ii. ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (ASCC)

Tarikh : April 2025
Lokasi : Negeri Sembilan
Penyelaras : Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
Program : Rakan Muda @ASEAN (Mycorps)

iii. ASEAN URBAN FORUM

Tarikh : TBC 2025
Program : Asean Urban Forum
Lokasi : Seremban, Negeri Sembilan
Penyelaras : TBC

43. Persedian ini termasuk menaiktaraf kemudahan awam, membaik pulih jalan untuk laluan delegasi, memulihara lokasi pelancongan, mencipta lanskap bandar yang menarik dan memasang kain rentang “Welcome ASEAN Delegates”. Oleh itu, saya mohon Jabatan-Jabatan MBS dapat bekerjasama bersama pihak yang terlibat termasuk diperingkat Setiausaha Kerajaan Negeri, EXCO Kerajaan Negeri, agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan pengindahan dan menaiktaraf infrastruktur bandar di lokasi mesyuarat ASEAN.

BANTUAN KHAS KEWANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI SEMBILAN

44. Majlis mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan atas pengumuman Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam Negeri Sembilan sebanyak 2 bulan gaji.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

***Rumah ini saksi bisu,
Tempat jiwa berlabuh selalu,
Kini angin membawa pesan rindu,
Memanggil pergi ke arah baru***

TERIMA KASIH TUAN SETIAUSAHA MBS

45. Mesyuarat Majlis Penuh pada akan datang akan berasa sedikit kelainan tanpa sosok Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS di sebelah saya dan dihadapan ahli mesyuarat sekalian. Mesyuarat Majlis Penuh ini akan menjadi mesyuarat MMP terakhir bagi beliau. Saya percaya disepanjang perkhidmatan beliau telah melaksanakan pelbagai perkara demi kesejahteraan warga bandaraya, kejayaan MBS dan keprihatinan terhadap warga kerja MBS.
46. Oleh itu, selamat maju jaya diucapkan kepada Tuan Mas Midyawan bin Yahya atas jasa dan bakti yang beliau curahkan.

47. Akhir sekali, sempena berakhirnya tahun 2024 ini, akhirilah tahun 2024 ini dengan penuh kesyukuran atas segala nikmat dan pengalaman yang telah dilalui, serta azam dan harapan yang baharu untuk melangkah ke tahun seterusnya dengan lebih bersemangat dan tekad yang kuat. Biarlah kenangan tahun ini menjadi pengajaran dan inspirasi, agar tahun mendatang membawa lebih banyak kejayaan, kebahagiaan, dan kebaikan dalam hidup kita semua.

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
18 DISEMBER 2024